

**PENGUASAAN TASYBIH, USLUB KHOBARIY DAN USLUB INSYA 'IYY  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN AGAMA**

Mastering Metaphors, The *Khabary* And *Insya'iyy* Style Among Religious  
National Secondary School Student

**Fatimah Radzi<sup>1</sup>, Nik Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Isa Hamzah**

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara  
*sitifatimahradzi@uitm.edu.my*

**Abstrak** Kajian ini menjurus kepada penguasaan terhadap topik-topik dalam ilmu balaghah seperti topik tasybih yang berada dalam ilmu bayan dan topik uslub khobariy dan uslub insya'iyy yang berada dalam ilmu ma'ani. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti persepsi,kekangan dan tahap penguasaan pelajar terhadap topik tasybih, uslub khobariy dan uslub insya'iyy. Kajian ini berbentuk kajian kes dengan seramai 78 orang pelajar tingkatan 5 di SMKA Putrajaya yang telah mempelajari topik-topik tersebut dipilih secara rawak menggunakan teknik pemilihan sampel Krejcie Morgan. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik Skala Likert berkaitan persepsi dan kekangan dan ujian khas berkaitan tahap penguasaan pelajar. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan Program Statistical Package of Social Science (SPSS). Hasil dapatan menunjukkan persepsi pelajar terhadap topik tasybih, uslub khobariy dan uslub insya'iyy adalah di tahap baik manakala kekangan yang dihadapi pelajar terhadap topik-topik tersebut adalah di tahap sederhana. Kajian juga mendapati penguasaan pelajar terhadap topik tasybih dan uslub insya'iyy adalah pada tahap sangat baik manakala topik uslub khobariy pada tahap baik. Topik yang paling dikuasai pelajar mengikut turutan ialah tasybih diikuti uslub insya'iyy kemudian uslub khobariy. Justeru, beberapa kekangan yang dihadapi pelajar dalam menguasai topik boleh diperbaiki oleh guru, pelajar dan pihak berkaitan untuk tujuan penambah baikan. Penguasaan pelajar terhadap topik uslub khobariy juga boleh dimantapkan dengan memberi penekanan kepada elemen adawat at-taukid.

**Kata Kunci:** Persepsi, Kekangan, Tahap Penguasaan.

**Abstract:** This study leads to the mastery of topics in the science of balaghah such as the topic of tasbih which is in the science of bayan and the topic of uslub khobariy and uslub insya'iyy which is in the science of ma'ani. The purpose of this study was to identify the perceptions, constraints and level of mastery of students on the topic of tasbih, uslub khobariy and uslub insya'iyy. This study is a case study with a total of 78 Form 5 students at SMKA Putrajaya who have studied the topics were randomly selected using Krejcie Morgan sample selection technique. The instruments used were Likert Scale questionnaires related to perceptions and constraints and special tests related to students' level of mastery. Data were analyzed descriptively using the Statistical Package of Social Science (SPSS). The results show that the students' perception on the topics of tasbih, uslub khobariy and uslub insya'iyy are at a good level while the constraints faced by students on these topics are at a moderate level. The study also found that students' mastery of the topic of tasbih and uslub insya'iyy is at a very good level while the topic of uslub khobariy is at a good level. The topic most mastered by the students in order is tasybih followed by uslub insya'iyy then uslub khobariy. Thus, some of the constraints faced by students in mastering the topic can be improved by teachers, students and related parties for the purpose of improvement. Students' mastery of the topic of uslub khobariy can also be strengthened by emphasizing the element of adawat at-taukid.

Keywords: Perception, Constraints, Level of Mastery

## 1. Pengenalan

Ilmu balaghah penting dalam bahasa Arab bagi memudahkan pemahaman terhadap sesuatu teks Arab kerana bahasa Arab ialah bahasa yang indah dan penuh dengan struktur ayat dan *uslub* kesusasteraan. Kefahaman dalam kesusasteraan Arab akan membolehkan seseorang memahami maksud sesuatu struktur ayat dan *uslub* yang digunakan terutama penggunaannya dalam ayat al-Quran dan hadis. Mempelajari ilmu balaghah yang mana antara cabangnya adalah ilmu *bayan*, ilmu *badi'* dan ilmu *ma'ani* akan membolehkan kita menghayati dan menerangkan nilai-nilai keindahan seni yang banyak terdapat dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis begitu juga dalam teks-teks sastera.

Dalam kurikulum bahasa Arab peringkat SPM, komponen balaghah adalah antara komponen yang menjadi kekangan pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Sohair Bakar (1999) dan Rosni Samah (2006) mendapati bahawa walaupun pendedahan kepada ilmu balaghah dalam mata pelajaran bahasa Arab adalah sejak pelajar di tingkatan 4 lagi, namun ilmu ini tidak diminati pelajar dan penguasaan terhadapnya adalah sangat rendah. Kajian-kajian sebelum ini berkaitan penguasaan ilmu balaghah mendapati bahawa penguasaan terhadap ilmu ini berada pada tahap membimbangkan dibandingkan dengan pembelajaran komponen bahasa Arab yang lain (Rosni bin Samah & Marwan Ismail, 2006; Raja Hazirah, 2012).

Minat dan kesedaran dalam penguasaan balaghah juga adalah cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran balaghah di sekolah pada waktu kini (Anuar, 2013). Dalam kajiannya, beliau mendapati pandangan majoriti pelajar terhadap mata pelajaran balaghah adalah negatif yang mana mereka tidak berminat, tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan ilmu balaghah dan keinginan mendalami ilmu ini. Hal ini sangat mendua citakan kerana penguasaan dan penghayatan pelajar Islam terhadap ilmu balaghah amat penting bagi menghayati pengertian dan keindahan cita rasa bahasa tersebut sekaligus menanamkan minat untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam.

Dalam pembelajaran balaghah, topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dilihat penting untuk diterokai dan dikaji kerana merupakan topik-topik Sukatan Pelajaran bahasa Arab peringkat menengah dan antara topik yang dimasukkan dalam peperiksaan bahasa Arab di peringkat SPM. Selain itu, topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dalam ilmu balaghah wajar dikuasai pelajar supaya mereka mampu membina dan memahami struktur ayat sastera yang indah seperti bahasa kiasan dan memahami unsur-unsur balaghah yang banyak digunakan dalam gaya bahasa al-Quran dan hadis serta prosa-prosa arab.

Walau bagaimanapun, kajian berkaitan penguasaan terhadap topik yang khusus dalam pembelajaran ilmu balaghah masih kurang dijalankan dan belum diterokai secara meluas berbanding topik-topik dalam komponen nahu dan sarf. Kajian-kajian sebelum ini banyak mengetengahkan tentang penguasaan pelajar dalam ilmu balaghah secara umum dan kajian berbentuk kepustakaan berkaitan keunikan dan penggunaan unsur balaghah dalam teks sastera mahupun al-Quran dan hadis.

Sehubungan itu, artikel ini akan memberi penekanan kepada topik yang khusus dalam pembelajaran ilmu balaghah iaitu topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dengan melihat kepada persepsi, kekangan dan tahap penguasaan pelajar terhadap topik-topik tersebut berdasarkan borang soal selidik dan ujian khas yang diberi kepada pelajar.

## 2. Tinjauan Literatur

Ilmu balaghah menurut Al-Sayyid al-Hashimiyy (1991) dalam kitabnya *Jawahir Al-Balaghah Fi al-Ma'ani Wa al-Bayan Wa al-badi'* adalah ilmu untuk mengetahui keindahan dan keistimewaan suatu percakapan yang tersusun daripada sudut lafadz dan makna. Malah ia juga berkaitan kaedah menggunakan bahasa yang tepat, sesuai dan fasih mengikut fungsinya. Manakala menurut Abd al-Qahir al-Jurjaniy dalam bukunya *Dalailul I'jaz* pula adalah gambaran sesuatu lafadz yang membawa makna yang baik dan cantik dan merupakan seindah-indah lafadz seterusnya mengungkap mesej lafadz indah tersebut ke dalam jiwa seseorang pendengar bersesuaian dengan konteks pendengar tersebut.

Dalam pembelajaran balaghah peringkat SPM, antara topik-topik balaghah yang dipelajari ialah *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Maan Z. Madina (1973) menyatakan *tasybih* bermaksud perbandingan, persamaan, cerita ibarat, atau kiasan. *Tasybih* adalah sama seperti simile dalam ilmu retorika melayu. *Al-khabariy* dari sudut balaghah pula ialah sesuatu lafadz sama ada ianya

betul atau dusta (al-Hashimiyy, 1999). Betul di sini bermaksud lafaz yang diungkapkan adalah satu kebenaran mengikut konteksnya. Manakala, *Al-insya’iy* menurut Ahmad Ibrahim Al-Hashimi pula ialah satu ungkapan atau percakapan yang yang tidak boleh dikatakan sama ada benar atau dusta, begitu juga dengan penuturnya tidak boleh dikatakan sama ada seorang yang jujur atau pendusta (Muhammad al-Tunjiy, 1999).

Kajian-kajian lepas, antaranya kajian Rosni bin Samah & Marwan Ismail (2006) mendapati bahawa tahap penguasaan peserta kajian terhadap subjek balaghah adalah sangat lemah. Ini disebabkan oleh permasalahan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), penumpuan kepada hafalan kaedah dan contoh-contoh unsur balaghah tanpa memberi penekanan kepada unsur aplikasi dan masalah buku teks. Kajian ini disokong oleh kajian Husaimi Othman (1999), yang mendapati guru dan buku teks adalah punca masalah penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah. Teks balaghah arab yang digunakan dalam buku teks sukar difahami oleh majoriti peserta kajian beliau. Selain itu, Abdullah Tahmin (1999) mendapati 80% daripada peserta kajiannya mengatakan bahawa mereka masih kabur tentang matlamat belajar balaghah dalam satu tinjauan ringkasnya terhadap pelajar tahun dua dan tiga akademi Islam.

Dalam kajian Raja Hazirah (2012) mendapati penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana dan statik tanpa peningkatan yang seharusnya dimiliki oleh pelajar pada tahap universiti. Namun, pelajar mempunyai minat yang mendalam dan persepsi yang positif terhadap pembelajaran ilmu balaghah. Dapatkan ini selari dengan kajian Azhar Muhammad (2006) mendapati tahap penguasaan pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama terhadap ilmu balaghah berada pada tahap sederhana walaupun majoriti pelajar menunjukkan persepsi yang positif dan berminat mempelajari ilmu ini.

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, penulis mendapati bahawa tiada kajian berkaitan penguasaan pelajar terhadap topik yang khusus dalam komponen balaghah. Justeru, dalam artikel ini penulis akan memberi tumpuan kepada penguasaan topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya’iy* dalam kalangan pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk melihat persepsi,kekangan dan tahap penguasaan pelajar tingkatan 5 SMKA Putrajaya terhadap topik-topik tersebut.

### **3. Objektif Kajian**

- 3.1. Mengenal pasti persepsi pelajar dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya’iy*.
- 3.2. Mengenal pasti kekangan pelajar dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya’iy* dan penyelesaiannya.
- 3.3. Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya’iy*.

### **4. Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes yang berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan deskriptif bertujuan untuk mengenal pasti persepsi, kekangan dan tahap penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya’iy*. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik dan ujian khas untuk memperolehi data. Soal selidik diadaptasi daripada kajian Raja Hazirah Raja Sulaiman (2012) dan telah diubah suai mengikut keperluan kajian. Ia terbahagi kepada bahagian A, berkaitan demografi responden dan bahagian B berkaitan persepsi dan kekangan pelajar berkaitan topik-topik yang dikaji.

Manakala ujian khas pula terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A berbentuk pilihan jawapan, bahagian B berbentuk struktur dan bahagian C berbentuk bina ayat. Instrumen soal selidik dan ujian khas tersebut telah disemak terlebih dahulu oleh pensyarah selaku penyelia, kemudian diperbaiki dan ditambah baik sebelum diedarkan kepada responden kajian. Populasi kajian ialah

pelajar tingkatan lima SMKA Putrajaya yang kesemuanya sudah mempelajari topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Bilangan pelajar tingkatan lima di sekolah tersebut ialah seramai 97 orang. Penulis telah memilih secara rawak 78 orang pelajar sebagai sampel kajian yang dipilih berpadanan dengan saiz populasi kajian dengan merujuk kepada penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan.

Data kuantitatif soal selidik bagi menjawab persoalan pertama iaitu persepsi pelajar dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dan persoalan kedua iaitu kekangan pelajar dalam menguasai topik tersebut dianalisis secara deskriptif dengan melibatkan frekuensi, peratusan dan min dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Soal selidik tersebut dianalisis dengan berpandukan kepada Skala Likert di mana 1= Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Tidak pasti, 4=Setuju dan 5=Sangat setuju. Kemudian skor min diinterpretasikan daripada Bernstein dan Nunnally (1994) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Interpretasi skor min

Skor min	Tahap
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana
4.01-5.00	Tinggi

Data kuantitatif ujian khas bagi menjawab persoalan ketiga iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* pula dianalisis secara deskriptif dengan melibatkan frekuensi dan peratusan. Penulis terlebih dahulu mengkategorikan jawapan pelajar kepada dua kategori sebelum menganalisis data ke dalam SPSS. Dua kategori tersebut ialah kategori betul dan kategori salah. Kemudian, frekuensi yang menjawab betul ditunjukkan dalam bentuk skor peratus untuk menentukan tahap penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Interpretasi skor peratus

Skor Min (%)	Tahap Interpretasi
1-20	Sangat lemah
21-40	Lemah
41-60	Sederhana
61-80	Baik
81-100	Sangat baik

## 5. Dapatan Kajian

### 5.1. Demografi Pelajar

Dari segi jantina, dapatan menunjukkan bahawa 45% atau 35 pelajar adalah lelaki dan 43% atau 55 pelajar adalah perempuan. Ini menunjukkan bilangan peserta kajian yang seimbang dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Kesemua peserta kajian adalah pelajar tingkatan 5, SMKA putrajaya daripada 4 kelas yang berbeza. Mereka juga adalah calon pelajar yang mengambil kertas peperiksaan bahasa Arab SPM.

Dari segi minat belajar bahasa Arab, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar kurang berminat iaitu sebanyak 78% atau 61 pelajar, diikuti dengan hanya 19% atau 15 pelajar sahaja yang meminati manakala tidak berminat iaitu sebanyak 3% iaitu 2 pelajar. Berdasarkan dapatan ini, punca pelajar tidak meminati bahasa arab dan penyelesaiannya harus diteliti pihak sekolah kerana motivasi dan minat adalah antara faktor kejayaan seseorang pelajar.

### 5.2. Persepsi Pelajar Dalam Menguasai Topik Tasybih, Uslub Khobariy Dan Uslub Insya'iyy

Berdasarkan jadual 3, dapatan kajian ini mendapati persepsi keseluruhan pelajar dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* berada pada tahap tinggi. Ini dilihat dari min keseluruhan iaitu 4.04. Persepsi pelajar dalam menguasai topik tersebut dibahagikan kepada tujuh

sub konstruk yang mendapati tiga sub konstruk berada pada tahap sederhana dan empat sub konstruk berada pada tahap tinggi. Tiga sub konstruk yang berada pada tahap sederhana ialah kefahaman konsep tasybih dengan min 3.91, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*, kemampuan mengaplikasi topik tersebut dengan min 3.74 dan membandingkan topik tersebut dengan unsur bahasa Melayu dengan min 3.67. Dapatkan ini menunjukkan minat dan sikap positif pelajar adalah tinggi dalam mempelajari topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* tetapi mereka masih kurang yakin dalam memahami konsep topik tersebut, mengaplikasinya serta membandingkannya dengan unsur bahasa Melayu.

**Jadual 3:** Persepsi pelajar dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dalam soal selidik

Sub Konstruk	Min	Tahap
a) Maklumat umum berkaitan topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	4.34	Tinggi
b) Minat dan sikap dalam mempelajari topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	4.22	Tinggi
c) Kefahaman konsep <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	3.91	Sederhana
d) Kemampuan mengaplikasi topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	3.74	Sederhana
e) Kemampuan menganalisis topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	4.29	Tinggi
f) Membandingkan topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> dengan unsur dalam bahasa Melayu	3.67	Sederhana
g) Mengaitkan topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> dengan al-Quran, Hadith, prosa dan puisi Arab	4.08	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>4.04</b>	<b>Tinggi</b>

### 5.3. Kekangan Pelajar Dalam Menguasai Topik *Tasybih*, *Uslub Khobariy* Dan *Uslub Insya'iyy*

Berdasarkan jadual 4, dapatkan kajian ini mendapati secara keseluruhannya pelajar mempunyai sedikit kekangan dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Ini dilihat dari min keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 3.96. Kekangan pelajar dalam menguasai topik tersebut dibahagikan kepada enam sub konstruk yang mendapati dua sub konstruk berada pada tahap sederhana dan empat sub konstruk berada pada tahap tinggi. Dua sub konstruk yang berada pada tahap sederhana ialah kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan dengan min 3.91 dan kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik dengan min 3.55. Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar menginginkan masa yang lebih banyak untuk mendalami topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Mereka juga tidak melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik. Ini memberi gambaran bahawa pelajar perlu mengulangkaji pelajaran terlebih dahulu agar mendapat gambaran tentang topik supaya masa yang sedikit dapat diperuntukkan untuk memahami topik tersebut. Empat sub konstruk yang mendapat min tinggi pula menunjukkan pelajar tiada kekangan berkaitan sub konstruk tersebut dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*.

**Jadual 4:** Kekangan pelajar dalam menguasai topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dalam soal selidik

Sub Konstruk	Min	Tahap
a) Kekangan mengenai kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan dalam topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	4.13	Tinggi
b) Kekangan mengenai kesesuaian masa yang diperuntukkan untuk topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	3.91	Sederhana
c) Kekangan mengenai amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar dalam topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	4.04	Tinggi
d) Kekangan melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	3.55	Sederhana
e) Kekangan mengaitkan topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> dengan bidang dan unsur bahasa yang lain	4.04	Tinggi

f) Kekangan mengenai penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dalam topik <i>tasybih</i> , <i>uslub khobariy</i> dan <i>uslub insya'iyy</i> .	4.08	Tinggi
<b>Min keseluruhan</b>	<b>3.96</b>	<b>Sederhana</b>

#### 5.4. Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Topik *Tasybih*, *Uslub Khobariy* Dan *Uslub Insya'iyy*

Berdasarkan jadual 5, dapatan kajian ini menunjukkan pelajar dapat menguasai rukun *tasybih* dan jenis *tasybih* dengan sangat baik dengan min masing-masing 97% dan 91% tetapi perlu menumpukan lebih lagi perhatian dalam membina ayat *tasybih* dengan skor min 67% iaitu pada tahap baik. Skor min keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar menguasai topik *tasybih* dengan sangat baik.

**Jadual 5:** Tahap penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih* dalam ujian khas

Sub Konstruk	Skor Min Menjawab Dengan Betul (%)	Tahap
a) Menentukan rukun <i>tasybih</i>	97	Sangat baik
b) Menentukan jenis <i>tasybih</i>	91	Sangat baik
c) Membina ayat <i>tasybih</i>	67	Baik
<b>Skor Min keseluruhan</b>	<b>85</b>	<b>Sangat baik</b>

Berdasarkan jadual 6, dapatan kajian ini menunjukkan pelajar dapat menguasai ayat *uslub khobariy*, *adrobul khobar* dan membina ayat *adrobul khobar* dengan sangat baik dengan min masing-masing 87%, 70% dan 89%. Tetapi mereka kurang mahir dalam menguasai *adawat at taukid* dengan min 54% iaitu pada tahap sederhana. Mereka didapati keliru untuk membezakan *adawat at taukid* seperti *nun taukid*, *lam taukid* dan *wau sumpah*. Justeru, pelajar perlu melebihkan usaha untuk memahami *adawat at taukid* kerana skor min melihatkan jurang yang besar dengan sub konstruk yang lain. Skor min keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar dapat menguasai topik *uslub khobariy* dengan baik.

**Jadual 6:** Tahap penguasaan pelajar bagi topik *uslub khobariy* dalam ujian khas

Sub Konstruk	Skor Min Menjawab Dengan Betul (%)	Tahap
a) Menentukan ayat <i>uslub khobariy</i>	87	Sangat baik
b) Menentukan <i>adrobul khobar</i>	70	Sangat baik
c) Menentukan <i>adawat at-taukid</i>	54	Sederhana
d) Membina ayat berpandukan <i>adrobul khobar</i>	89	Sangat baik
<b>Skor Min keseluruhan</b>	<b>75</b>	<b>Baik</b>

Berdasarkan jadual 7, dapatan kajian ini menunjukkan pelajar dapat menguasai ayat bentuk *insya'* dengan sangat baik dengan min 87% tetapi boleh menumpukan lebih lagi perhatian dalam menguasai jenis *insya'* dan membina ayat berpandukan jenis *insya'* dengan min masing-masing 78% iaitu pada tahap baik. Pelajar didapati masih dalam memahami jenis *insya'* iaitu *talabiy* dan *ghairu talabiy*. Namun mahir dalam menentukan bentuk *insya'* seperti *amr*, *nahi* dan *istifham* kerana mempunyai kaitan dengan ilmu nahu seperti *fe'el amr* dan *ism' istifham* yang telah dipelajari sebelum belajar ilmu balaghah lagi. Skor min keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar dapat menguasai topik *uslub insya'iyy* dengan sangat baik.

**Jadual 7:** Tahap penguasaan pelajar bagi topik *uslub insya'iyy* dalam ujian khas

Sub Konstruk	Skor Min Menjawab Dengan Betul (%)	Tahap
a) Menentukan jenis <i>insya'</i>	78	Baik
b) Menentukan bentuk <i>insya'</i>	87	Sangat baik
c) Membina ayat berpandukan jenis <i>insya'</i>	78	Baik
<b>Skor Min keseluruhan</b>	<b>81</b>	<b>Sangat baik</b>

## 6. Perbincangan

Kajian mendapati persepsi keseluruhan pelajar terhadap topik-topik tersebut adalah pada tahap tinggi. Ini menunjukkan peserta kajian menunjukkan persepsi yang positif dalam pembelajaran topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insyaiyy*. Menurut Nor Aziah Binti Jema'on et al. (2017), persepsi positif pelajar terhadap bahasa Arab sangat penting untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Antara persepsi pelajar adalah mereka menunjukkan minat dan sikap yang positif dalam mempelajari topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*.

Dapatan ini menyokong kajian Azhar Muhammad (2006) dan Raja Hazirah (2012) yang mendapati pelajar-pelajar mempunyai minat yang tinggi dan mendalam terhadap ilmu balaghah. Azhar Muhammad (2006) mengatakan bahawa minat merupakan faktor terpenting dalam mempelajari ilmu Balaghah. Minat dan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab dilihat mempunyai hubungan signifikan dengan sikap pelajar ketika belajar bahasa Arab (Abdul Hakim Abdullah et al., 2015). Demikian juga dengan pembelajaran ilmu balaghah, pelajar yang menunjukkan minat dan motivasi yang tinggi terhadap ilmu balaghah akan menghasilkan sikap yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran Balaghah.

Pelajar juga mempunyai persepsi yang positif dalam memahami objektif dan faedah mempelajari topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Ini bertentangan dengan dapatan Abdullah Tahmin (1999) yang mendapati 80% daripada peserta kajian beliau kurang jelas tentang matlamat mereka belajar balaghah. Memahami objektif pengajaran penting supaya pelajar tahu apa yang perlu dikuasai di akhir topik pembelajaran *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Di samping itu juga, pelajar didapati mempunyai persepsi yang positif dalam mengaitkan topik dengan al-Quran, Hadith, prosa dan puisi Arab. Ini menggambarkan contoh-contoh ayat yang digunakan oleh guru dalam pelajaran banyak diambil dari sumber-sumber tersebut sekaligus dapat mengajak pelajar untuk mengagumi nilai sastera daripada keindahan dan keunikan bahasa al-Quran, Hadith, prosa dan puisi Arab.

Walaubagaimanapun, hasil kajian mendapati pelajar mempunyai persepsi pada tahap sederhana dalam mengaplikasi topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Menurut Rosni Samah (2006), masalah penguasaan balaghah antaranya adalah disebabkan oleh pembelajaran yang hanya semata-mata berorientasikan kepada hafalan contoh dan kaedah sahaja serta kurang penekanan kepada unsur aplikasi. Justeru, guru perlu mengaplikasikan pengajaran topik dalam bentuk latihan, ujian, syarahan, perbualan dan seumpamanya dengan lebih kerap lagi dalam membantu penguasaan pelajar berkaitan topik.

Selain itu, persepsi pelajar juga pada tahap sederhana dalam kefahaman konsep *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Azizi Yahaya (2010) mengatakan kefahaman konsep yang berkesan dapat membantu pemahaman sesuatu topik pelajaran dan meningkatkan daya ingatan pelajar. Para pelajar yang tidak dapat menguasai konsep akan menganggap mata pelajaran itu sukar. Justeru, guru perlu menekankan konsep topik sebelum berpindah kepada penerangan tajuk supaya pelajar dapat memahami tajuk dengan lebih mudah sekaligus memberi tanggapan bahawa ilmu balaghah adalah disiplin ilmu yang mudah sekiranya memahami konsep setiap komponennya.

Seterusnya, daptan menunjukkan persepsi pelajar pada tahap sederhana dalam membandingkan topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* dengan unsur bahasa Melayu. Menurut Taufiqurrochman (2010), pembelajaran balaghah dengan cara mengaitkan elemen retorika Arab dengan ilmu retorika Melayu akan membuatkan proses pembelajaran lebih bersifat realistik, kerana apa yang dipelajari pelajar ditemukannya dalam elemen bahasa ibunda mereka. Dapatan ini menunjukkan guru masih kurang mendedahkan kajian kontrasif berkaitan retorika arab dengan melayu kepada pelajar dalam pengajaran topik.

Dari aspek kekangan dalam menguasai topik pula, kekangan keseluruhan pelajar dalam penguasaan topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* didapati pada tahap sederhana. Ini menunjukkan terdapat beberapa kekangan terhadap penguasaan topik-topik tersebut. Dapatan menunjukkan kekangan pelajar adalah pada kesesuaian masa yang diperuntukkan dalam mempelajari topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Ini selari dengan dapatan kajian Anuar et al. (2013) yang mendapati pelajar menyatakan masa yang diperuntukkan untuk mempelajari balaghah dalam silibus bahasa Arab adalah sangat terhad dan tidak mencukupi. Pelajar akan lemah dalam penguasaan ilmu balaghah disebabkan faktor masa yang terhad dan singkat ini (Azhar, 2008).

Pelajar juga didapati menghadapi kekangan dalam melakukan persediaan awal dan mengulangkaji topik. Kajian Mohammad Aziz et al. (2014) mendapati pelajar yang tidak membaca topik apa yang akan diajar guru akan hilang tumpuan di dalam kelas akibat daripada tidak bersedia sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Justeru, pelajar perlu bersedia mengulangkaji topik telebih dahulu supaya dapat memberi tumpuan dan fokus yang sepenuhnya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Walaubagaimanapun, daptan min yang tinggi menunjukkan pelajar tiada kekangan berkaitan kesesuaian kandungan buku teks dan bahan rujukan. Pelajar didapati melihat kandungan nota, latihan dan aktiviti dalam buku teks bersesuaian dengan silibus mata pelajaran dan pelajar juga dibekalkan dengan sumber rujukan lain dalam pembelajaran topik. Dapatan ini bertentangan dengan Azhar (2008) yang mendapati buku teks bahasa Arab menjadi masalah dalam menggunakan sepenuhnya untuk memahami balaghah dalam sesi pembelajaran. Bahan rujukan tambahan juga dapat membantu pelajar menambah pengetahuan dan keyakinan terhadap topik yang dipelajari. Menurut Baharin Abu et al. (2007), dengan adanya maklumat tambahan dapat memudahkan pemahaman pelajar terhadap bahan yang dipelajari.

Selain itu pelajar juga didapati tiada kekangan berkaitan amalan guru dan amalan pembelajaran. Pelajar dilihat bertanya guru dan berbincang dengan rakan dalam memahami topik. Berbincang dengan rakan didapati mendapat min lebih tinggi daripada bertanya guru. Hal ini kerana jarak sosial antara pelajar dan guru berbeza dengan jarak sosial antara pelajar dan rakannya menyebabkan pelajar lebih terbuka dan mesra dengan rakannya (Noorzuhidayah & Siti Saniah, 2016). Hasil kajian mendapati guru mengaplikasi pelbagai teknik dalam pengajaran topik dan pelajar dapat menerima teknik pengajaran guru. Dapatan ini bertentangan dengan kajian (Rosni bin Samah & Marwan Ismail, 2006; Husaimi Othman 1999), yang mendapati masalah penguasaan pelajar dalam balaghah adalah disebabkan faktor guru dan buku teks yang digunakan.

Selanjutnya, pelajar juga didapati tiada masalah dengan penggunaan alat bantu mengajar. Ini menunjukkan guru di sekolah mereka memanfaatkan alat bantu mengajar dalam pengajaran topik *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy*. Tujuan penggunaan bahan bantu mengajar adalah untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru ketika mengajar (Mohd Faez et al., 2013). Data yang diperolehi bertentangan dengan kajian Maimun Aqsha Lubis et al. (2014) yang mendapati penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru adalah terhad kepada buku teks dan papan tulis sahaja.

Dari aspek tahap penguasaan topik pula hasil kajian mendapati penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih* adalah sangat baik manakala penguasaan pelajar terhadap topik *uslub insyaiyy* adalah baik. Pelajar perlu menumpukan usaha yang lebih lagi pada topik *uslub khobariyy*. Secara keseluruhannya menunjukkan penguasaan pelajar pada tahap memuaskan. Dapatan ini dilihat bertentangan dengan kajian Rosni bin Samah & Marwan Ismail (2006) yang mendapati tahap penguasaan pelajar terhadap subjek balaghah adalah sangat lemah. Begitu juga dengan kajian Raja Hazirah, (2012) yang mendapati tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu balaghah berada pada kedudukan yang sederhana.

Selanjutnya, pelajar didapati mampu membina ayat lebih-lebih lagi ayat *uslub khobariy* yang mendapat min pada tahap sangat baik. Namun pelajar boleh menumpukan usaha lagi dalam kemahiran membina *ayat tasybih* dan *uslub insyaiyy* yang berada pada tahap baik yang dirasakan pengkaji boleh ditingkatkan lagi. Pelajar juga didapati mampu menguasai rukun *tasybih*, jenis *tasybih*, ayat *uslub khobariy*, *adrobul khobar* dan bentuk *insya'* di mana min masing-masing pada tahap sangat baik dan juga jenis *insya'* pada tahap baik. Namun pelajar kurang mahir dalam menguasai *adawat at taukid* iaitu di bawah topik *uslub khobariy* dengan min pada tahap sederhana. Pelajar didapati masih keliru untuk membezakan *adawat at taukid* seperti *nun taukid*, *lam taukid* dan *wau sumpah*. Justeru, guru perlu menekankan *adawat at taukid* dalam pengajaran topik *uslub khobariyy* selepas ini.

## 7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, aspek persepsi pelajar dalam menguasai *tasybih*, *uslub khobariy* dan *uslub insya'iyy* didapati berada pada tahap yang tinggi manakala dapatan aspek kekangan dalam menguasai kesemua topik tersebut pada tahap sederhana. Topik yang paling dikuasai pelajar ialah *tasybih* diikuti *uslub insya'iyy* kemudian *uslub khobariy*. Tahap penguasaan pelajar terhadap topik *tasybih* dan *uslub insya'iyy* adalah sangat baik manakala tahap penguasaan pelajar terhadap topik *uslub khobariy* adalah baik dan boleh ditingkatkan. Pengkaji yakin kecemerlangan pelajar dalam pelajaran dapat dicapai dengan pemahaman dan penguasaan yang baik dalam sesuatu topik mata pelajaran. Justeru, para pelajar perlu melipat gandakan usaha untuk menguasai dan memahami setiap pelajaran yang disampaikan oleh guru. Para guru juga haruslah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran mereka agar pemahaman dan penguasaan para pelajar terhadap topik yang diajar di tahap yang maksimum.

## 8. Rujukan

- Abdullah Tahmim. (1999). *Pengajian Balaghah Di Sekolah Dan Pusat Pengajian Tinggi*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hakim Abdullah, Ab. Aziz Sulaiman, & Wan Ismail Wan Abdullah. (2015). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10: 104–118.
- Anuar Sopian Salmah Ahmad Kaseh Abu Bakar. (2013). Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal Mastery and Problem of Students Against the Balaghah Studies: A Preliminary Survey. *Islamiyat*, 35(1): 93 – 101.
- Azhar bin Muhammad. (2006). Pembelajaran Balaghah Arab Di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes. *Tesis PHD*. Universiti Malaya, Fakulti Bahasa Dan Linguistik.
- Azhar bin Muhammad et al. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial.
- Azhar Muhammad. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya. (2010). *Kepentingan kefahaman konsep dalam matematik*. Diperoleh pada 27 Disember, 2018 daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/10413/1/1.10\\_Bab2.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/10413/1/1.10_Bab2.pdf).
- Husaimi Hj Othman. (1999). *Pengajian Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (Perak): Pengalaman dan Tinjauan*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Aziz et al. (2014). Faktor, Kesan dan strategi menangani permasalahan kurang tumpuan pelajar sekolah menengah di dalam kelas: Suatu Kajian Kualitatif. *International counseling conference and work*.

- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias, & Hanis Najwa Shaharuddin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51–61.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *Jurnal kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 4 (2): 10-19.
- Rosni bin Samah, Muhammad Marwan bin Ismail. (2009). *Laporan Penyelidikan Penguasaan al-Balaghah dan Permasalahannya Di Kalangan Pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Kajian Di Sekolah-Sekolah Agama Negeri Selangor*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Raja Hazirah. (2012). Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT. *Tesis Master*. Universiti Malaya, Fakulti Bahasa Dan Linguistik.
- Taufiqurrochman. (2010). Resistematisasi Dan Restrukturalisasi Ilmu Ma'ani Dalam Desain Pembelajaran Ilmu Balaghah. *Jurnal ilmu bahasa dan Sastra* 5(1).